

Pemansuhan kekebalan

PM yakin raja terima



Oleh Kamal Ahmad

B.H 12 JAN 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin raja-raja akan melepaskan hak kekebalan masing-masing kerana tidak mahu terus mempunyai kuasa untuk melakukan jenayah.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab raja-raja menentang pindaan Perlembagaan membabitkan pemansuhan kekebalan raja di segi undang-undang, perkara berkaitan hasutan serta kuasa mengampun yang akan dibentang dan dibahaskan di Dewan Rakyat pada 18 dan 19 Januari ini. Dewan Negara pula akan bersidang pada 20 Januari.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas mengenai kemungkinan berlaku krisis Perlembagaan jika Majlis Raja-Raja enggan memberi persetujuan mengenai pindaan berkenaan.

"Kita akan cari jalan mengatasinya. Tapi saya tidak percaya raja-raja menentang kerana mustahil raja-raja mahu

kuasa untuk memukul atau membunuh orang.

"Saya fikir rakyat tidak akan terima raja yang berpendapat hanya dengan mempunyai hak ini barulah boleh jadi raja. Saya sudah bercakap dengan raja bahawa mereka tidak boleh bersikap seperti itu.

"Saya percaya mereka sanggup melepaskan kekebalan ini kerana ia tidak memberi apa-apa kesan bagi diri mereka," katanya.

Beliau bercakap demikian kepada pemberita selepas merasmikan lebuh raya baru Lembah Klang, di Plaza Tol Jalan Duta, hari ini.

Menurutnya, jika perlu, kerajaan akan meminda Akta Hasutan, tetapi pihak media berhak menyiarkan laporan perbincangan membabitkan raja-raja di Parlimen.

"Langkah pertama ialah berkenaan pindaan kepada Perlembagaan.

"Dalam pada itupun kalau dipinda, akhbar berhak membuat laporan sebarang perbincangan di

dalam Dewan.

"Kalau diperlukan, kemudian kita akan membuat pindaan pada Akta Hasutan yang bukan sebahagian daripada Perlembagaan," katanya.

Diminta mengulas mengenai pertemuan penulis, wartawan dan seniman yang berbincang mengenai raja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), semalam, beliau berkata:

"Kita akan mengkaji memorandum yang diserahkan mereka untuk melihat yang mana boleh dilaksanakan."

Dalam perbincangan itu, penulis, wartawan dan seniman merumuskan satu resolusi disebut sebagai Pernyataan 10 Januari 93, yang meminta kerajaan supaya institusi raja dikaji semula dan selaras dengan Islam.

Dalam resolusi itu juga mereka meminta raja-raja supaya peka dengan hasrat rakyat, manakala kajian semula terhadap institusi raja mestilah tertakluk kepada ajaran Islam dan prinsip demokrasi berparlimen.